

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
KAWASAN : KOTA TINGGI

SOALAN :

YB DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian akan merealisasikan pembinaan susur keluar ke Pekan Telok Sengat yang menghubungkan beberapa rangkaian kampung bersejarah serta kawasan tumpuan pelancong yang mampu memendekkan tempoh perjalanan pengguna.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan susur keluar ke Pekan Telok Sengat, Johor yang dimaksudkan adalah merupakan cadangan jalan penghubung (*spur road*) baru dari Lebuhraya Senai Desaru (SDE) ke Pekan Telok Sengat. Cadangan pembinaan susur keluar ke Pekan Telok Sengat akan melibatkan pembinaan persimpangan bertingkat yang lengkap beserta dengan sistem kutipan tol. Ini adalah kerana Lebuhraya Senai Desaru adalah lebuhraya menggunakan *closed toll system*. Pada masa ini, Kementerian ini tiada perancangan untuk membina jalan susur tersebut oleh kerana aliran trafik di situ masih rendah.

Sekian, terima kasih.